

**ADAPTASI MOTIF PAKU-PAKIS
DALAM TEKNIK RESIS**

OLEH:

HUSHIYANI BT. ABDUL HAMID

97066612

**FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN**

SESSI 2000/2001

ISI KANDUNGAN

Halaman Pemeriksa

Penghargaan

Isi Kandungan

Senarai Ilustrasi

Prakata

i

Sinopsis

iii

Tujuan

vi

Metadologi

viii

Kesimpulan

x

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Apa Itu Keindahan

1

1.2 Reka Corak

3

1.3 Motif

5

1.4 Definisi Pengadaptasian

6

1.5Pengertian Tekstil

7

1.5.1 Tekstil Resis

9

1.5.2 Batik

10

PRAKATA

Dalam menghasilkan sesuatu karya, kajian dibuat berdasarkan projek yang telah dilakukan disemester 07. Untuk itu, kajian selidik, lakaran, perkembangan idea merupakan langkah-langkah tertentu sebelum terhasilnya sesebuah karya. Secara keseluruhannya, penekanan lebih diberikan kepada pengolahan keindahan tumbuhan paku-pakis yang diilhamkan dan dipersembahkan dalam teknik resis.

Didalam kajian yang telah dijalankan, penyelidikan yang agak lama dan terperinci telah dilakukan untuk mencari dan mendalami keunikan dan keindahan tumbuhan paku-pakis dengan mencari pelbagai buku dan juga melihat sendiri keunikan tumbuhan tersebut dan mengaplikasikannya dalam teknik resis. Apa saja bahan yang berkaitan dengan tumbuhan paku-pakis telah dikaji dan disimpan sebagai bahan kajian. Dengan ini, kecenderungan terhadap penghayatan keindahan nilai estetika yang terdapat pada tumbuhan ini telah dapat dihasilkan sebagai hasil kerja.

Walaupun terpaksa mengharungi pelbagai masalah dan halangan didalam melaksanakan dan menyiapkan projek ini pada semester 07, namun berkat kesabaran, ketabahan dan dorongan dari keluarga ia dapat diatasi dengan sewajarnya. Namun

SINOPSIS

Penulisan tesis ini adalah sebagai satu pendedahan kepada umum mengenai kajian yang telah dijalankan berkenaan dengan tajuk yang telah dipilih. Sertaditulis juga penghasilan reka corak dalam seni tekstil (tesis).

Kajian yang dilakukan adalah berkaitan dengan '**Pengadaptasian Motif Paku-Pakis Dalam Teknik Resis**'. Mengenal pasti tajuk serta pemahaman latar belakang bahan kajian adalah amat penting sebelum sesuatu reka corak dapat dihasilkan. Berbekalkan maklumat yang lengkap serta terperinci, reka corak yang menarik dapat dihasilkan.

Tesis ini juga turut membincangkan sejarah tekstil resis khususnya batik yang merupakan suatu cabang seni yang telah diamalkan berkurun-kurun lamanya.

Dewasa ini juga, berbagai inisiatif dan kaedah yang telah digunakan bagi mengetengahkan keistimewaan tekstil resis yang bukan sahaja kegunaannya sebagai pakaian dan bahan gunaan yang lain tetapi mempunyai kepentingan kerohanian yang dapat mengerakkan rasa ingin tahu yang lebih mendalam melangkaui penonjolan yang bersifat visual atau artistic. Iaitu ingin mendalami segala warisan budaya sesuatu kelompok manusia serta seniman yang menciptanya.

Tesis ini juga memaparkan bagaimana pelaksanaan tugas yang diberikan sepanjang semester 07. Bermula dari peringkat kajian, perkembangan idea sehinggalah

METADOLOGIKAJIAN

Metadologi kajian merupakan satu kaedah penyelidikan yang dijalankan bagi mencari dan mengumpul rata-rata dimana dengannya kita dapat memperoleh maklumat-maklumat berkaitan dengan kajian yang dipilih. Terdapat dua kaedah utama dalam proses pengumpulan maklumat untuk pengkajian ini iaitu melaluidata primer dan data sekunder.

a) Data Primer

Data primer merupakan kaedah asas dalam menyediakan sesuatu perkara atau maklumat-maklumat melalui pengumpulan data dengan melakukan kerja-kerja luar. Sebagai contoh, dengan mengadakan temubual atau wawancara secara langsung atau tidak langsung dengan pensyarah, rakan sekelas dan temubual dengan orang yang berkenaan yang dapat membantu didalam penyelidikan ini. Kaedah kedua boleh diperolehi dengan melakukan ujikaji didalam bengkel atau lokasi yang berkaitan bagi memuaskan lagi keputusan penyelidikan ini. Selain daripada pemikiran, pengamatan dan pemerhatian sendiri juga secara langsung merupakan satu maklumat.